



## **-MEMORANDUM-**

**TARIKH** : 13 OKTOBER 2020 / 25 SAFAR 1442H

**KEPADA** : JAWATANKUASA PENGURUSAN BERSAMA WAKAF  
NEGERI SEMBILAN MUAMALAT (JPB WNSM)

**DARIPADA** : URUSETIA WAKAF NEGERI SEMBILAN MUAMALAT

**PERKARA** : LAPORAN SUKU TAHUN KETIGA WAKAF NEGERI SEMBILAN  
MUAMALAT BAGI BULAN JULAI - SEPTEMBER 2020

### **1.0 OBJEKTIF**

Objektif laporan ini ditulis adalah untuk memaklumkan kepada pihak JPB WNSM tentang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh WNSM serta jumlah kutipan dan penggunaan dana WNSM bagi suku tahun ketiga 2020 (Julai - September).

### **2.0 LATAR BELAKANG**

#### **2.1 Pengenalan:**

Wakaf Negeri Sembilan Muamalat (WNSM) merupakan jalinan kerjasama antara Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan dan Bank Muamalat Malaysia Berhad bagi menguruskan dana Wakaf secara bersama melalui pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB). Melalui usahasama ini, Wakaf Negeri Sembilan Muamalat (WNSM) akan menumpukan kepada aktiviti dan projek wakaf dalam dua segmen iaitu kesihatan dan pendidikan. Dana wakaf ini juga akan dilaburkan di dalam aktiviti yang berlandaskan syariah.

### 3.0 Jumlah Kutipan Bulanan WNSM (Julai - September 2020):

| TAHUN   | BULAN     | KUTIPAN BULANAN (RM) | JUMLAH BULANAN (RM) |
|---|-----------|----------------------|---------------------|
| Baki Dana Semasa WNSM sehingga 30/6/2020          |           |                      | 1,800,296.07        |
| 2020  | Julai     | 7,462.05             | 27,179.18           |
|   | Ogos      | 4,922.18             |                     |
|   | September | 14,794.95            |                     |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN DANA PADA 30/9/2020 (A)</b> |           |                      | <b>1,827,475.25</b> |

### 4.0 Pengeluaran Dana WNSM (Julai - September 2020):

Susulan pembubaran Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan Sdn Bhd, pada 7 September 2020, sebanyak RM 1,807,000 telah dipindahkan daripada akaun induk Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan Sdn Bhd ke akaun induk Wakaf Negeri Sembilan Muamalat di bawah Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan. Oleh itu, jumlah dana semasa WNSM sehingga 30 September 2020 adalah RM 20,475.25

### 5.0 KESIMPULAN

Laporan ini disediakan untuk memaklumkan kepada JPB berkenaan aktiviti-aktiviti WNSM yang telah dijalankan, jumlah kutipan dan jumlah pengeluaran dana WNSM selama 3 bulan dari Julai hingga September pada tahun 2020.

**6.0 TANDATANGAN & NAMA**

Disediakan oleh:

Tarikh

-salinan asal ditandatangani-

.....

**(Muhammad Asyraf Muhd Radzi)**  
**Urusetia (PBMaLNS)**

5/1/2021

.....

Disemak oleh,



.....  
**(Wan Nuraihan Hj Ab Shatar)**  
**Ketua Urusetia**

6/1/2021

.....